



Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2(57)

Tarikh : 16 Ogos 2018

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

MAKLUMAN TARIKH PENGAMBILALIHAN PENGELUARAN PERMIT IMPORT KOMODITI PERTANIAN DARIPADA JABATAN PERTANIAN (DOA) KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Dengan segala hormatnya dimaklumkan.

2. Mulai **1 November 2018 (Khamis)**, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan mengeluarkan permit import JPK DOA.
3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah dipohon memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:
 - i) Permohonan yang lengkap akan diproses dalam masa lima (5) hari bekerja;
 - ii) Sebarang penambahan item baharu perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian Malaysia terlebih dahulu;
 - iii) Permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia pada tarikh **31 Oktober 2018** masih boleh diterima pakai bagi pelepasan konsainan di pintu masuk sehingga **31 Januari 2019**;
 - iv) Mulai **1 Februari 2019 (Jumaat)**, hanya permit import yang dikeluarkan oleh MAQIS sahaja yang diterima pakai bagi pelepasan konsainan di pintu masuk; dan
 - v) Bayaran permohonan permit import melalui MAQIS perlu dibuat secara atas talian (*online*).
4. Sebarang pertanyaan dan aduan, tuan/puan boleh kemukakan melalui emel feedback@maqis.gov.my.

Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2()
Tarikh : 16 Ogos 2018

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(CHE AN BINTI MOHD JONED)

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

s.k. :

- i) Ketua Pengarah Pertanian
- ii) Pengurus Projek DNT